



# UPM PUASHATI

3 Emas Milik UPM

12 Pingat Dalam  
Genggam-Chai Lin

UniMAP Kuasai Hari  
Akhir Woodball

Debaran Akhir Pencak Silat  
Kian Terasa

UniKL Upholds Challenges

KERJASAMA



Sukan Institusi Pengajian Tinggi



@sukanipt2014

<http://sukipt.com.my>



## UPM PUAS HATI!

Wartawan : Nurul Husna Abdul Rahim & Nurfaizah Abdul Rahman  
Foto : Suzairi Hafizi

Universiti Putra Malaysia (UPM) menambah dua lagi pingat emas melalui acara lawan pedang kategori Epee dan Sabre wanita berpasukan pada temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) di Dewan Besar Politeknik Shah Alam.

Menurut jurulatih pasukan UPM, Husnul Ariq Bakri, beliau amat bersyukur kerana UPM menyediakan segala fasiliti yang mencukupi dan lengkap untuk atlet-atlet berlatih seterusnya melahirkan atlet yang bersemangat dan berpotensi tinggi.

Selain itu, UPM turut menyediakan latihan intensif yang mengambil masa lebih dari sebulan untuk menghadapi SUKIPT kali ini serta latihan yang berterusan.

Kedua-dua pingat emas diperolehi selepas mengalahkan pasukan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Secara keseluruhannya, para atlet dan kontinjen amat berpuas hati dengan layanan dan kemudahan yang disediakan oleh tuan rumah kepada kontinjen.

Ini merupakan pingat emas ketiga dan keempat buat UPM dalam acara lawan pedang.



## 3 EMAS MILIK UPM

Wartawan : Aainaa Nazirah Anuar  
Foto : Zulfikhy & Vinod



S. Shree Sharmini (UPM)

Atlet karate-do kebangsaan S. Shree Sharmini menepati ramalan selepas berjaya mengalahkan atlet dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Siti Hajar Mohd Azhar dalam pusingan akhir Kumite Individu Wanita bawah 68 kg yang berlangsung di Dewan Sri Budiman, UiTM Shah Alam.

Atlet dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang pernah menyertai Sukan SEA di Myanmar itu menang mudah ke atas Siti Hajar dengan mata 5-0. UPM menambah dua lagi pingat emas selepas Teagarajan Kunasakaran menang ke atas Jegatiswaran dari Politeknik Kedah dalam kategori Kumite Individu Lelaki bawah 84 kg dengan pungutan mata 7-0. Theeban Govindasamy pula menang dalam kategori Kumite Individu Lelaki atas 84 kg.

Manakala Universiti Malaysia Sabah (UMS) memenangi pingat emas selepas Mathavan Vickneswaran menewaskan Noor Azizan Nor Azli dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan mata 6-1. Bagi kategori Kumite Individu Wanita atas 68 kg pula menyaksikan atlet dari Universiti Tun Abdul Razak (UTAR), Khasvini A/P Shanmuganathan berjaya mengalahkan Christina Edris dari Politeknik Sabah dengan mata 5-0.



## 12 PINGAT DALAM GENGGMAN – CAI LIN

Wartawan : Amira Sikun, Maznira Razak, Fatin Ainur & Yasmin Fairouz  
Foto : Zharfan Azizan & Arif Harun

"Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 adalah sebahagian daripada latihan tambahan untuk saya bersedia sedia bagi menghadapi kejohanan besar yang akan datang," kata Khoo Cai Lin yang berjaya merangkul 12 pingat iaitu 6 pingat emas, 4 pingat perak dan 2 pingat gangsa dalam acara renang yang disertainya.

Tambah atlet dari Taylor's University itu, beliau turut berasa tercabar dalam beberapa kategori khususnya kategori jarak dekat (short distance) kerana lebih menyukai kategori jarak jauh (long distance). Walaubagaimanapun, beliau tetap berpuas hati dalam setiap kategori yang disertainya.

Beliau turut bangga kerana berjaya memecahkan beberapa rekod baru dalam SUKIPT edisi kedua ini. Antara rekod yang berjaya dipecahkan ialah 400 m Gaya Bebas Wanita dengan catatan masa 4 minit dan 31.67 saat yang mengatasi rekod terdahulu iaitu 5 minit dan 3.51 saat oleh Chui Lai Kwan dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Selepas ini, saya akan terlibat dalam kejohanan di Singapura pada bulan Mac," ujar Cai Lin.

### Women 200 LC m Breaststroke

Old Record: 3:07.05

Gold : Khoo Cai Lin – Taylor's University (3:04.72)

Silver : Yeoh Tze Yi – Inti International College (3:10.70)

Bronze : Kang Chern Lynn – MSMM (3:12.29)

### Men 200 m Breaststroke

Old Records: 2:44.13

Gold : Denis Josua Tiwa – UiTM (2:25.85)

Silver : Adam Faris Tan – UiTM (2:41.20)

Bronze : Tan Che Soon – USM (2:57.48)

### Women 400 m Freestyle

Old Records: 5:03.51

Gold : Khoo Cai Lin – Taylor's University (4:31.67)

Silver : Lee Zhien Huey – UPM (5:14.28)

Bronze : Irene Chong See Win – UM (5:22.72)

### Men 400 m Freestyle

Gold : Alexis Wijaya Ohmar – UiTM

Silver : Nur Adli – UiTM

Bronze : Choong Kei Yern – USM

### Women 50LC Metre Backstroke

Old Record: 33.89

Gold : Yap Leanne – Sunway University (33.66)

Silver : Khoo Cai Lin – Taylor's University (34.49)

Bronze : Lai Wei Li – UM (35.76)



Khoo Cai Lin (Taylor's University)

### Men 50LC Backstroke

Old Record: 28.90

Gold : I Gede Simansudartawa – UiTM (25.98)

Silver : Chan Yang – Inti International College (28.17)

Bronze : David Hoh Sheng Jun – Taylor's University (30.32)

### Women 100LC m Butterfly

Old Record: 1:15.35

Gold : Kathriana Mella Gustianjani – UiTM (1:08.65)

Silver : Lim Ping Ru – USM (1:27.71)

Bronze : Hoo Lai Kee – UM (1:29.39)

### Men 100LC m Butterfly

Old Record: 1:00.72

Gold : Chan Jie – Sunway University (55.15)

Silver : Liong Jee Xerc – TARC (1:00.60)

Bronze : Ian Leondy Bell – USM (1:06.58)

### Women 4x200LC m Freestyle Relay

Old Record: 11:02.92

Gold : UiTM (10:32.78)

Silver : Sunway University (10:54.30)

Bronze : UM (11:10.50)

### Men 4x200 LC m Freestyle Relay

Old Record: 9:04.57

Gold : UiTM (8:37.26)

Silver : USM (9:29.28)

Bronze : TARC (10:22.68)

## JAWATANKUASA

### PENGERUSI

Ishanuddin bin Hussin

### PENYELARAS

Zaidi bin Shariff

### EDITOR

Nor Azlina binti Mohd Zubaidi

Suraya binti Ismail@Shaari

### GRAFIK

Faizal bin Ayob

Shahirah Hafifah binti Sangaji

Lily Haryanti binti Az Muzni

### JURUFOTO

Meor Sharifuddin bin Meor Shukri

Khairulnizam bin Md Hairuddin

Enamul Shah bin Abdul Halim

Mohd. Fauzan bin Md. Sardi

Noor Kasmara bin Mohd Sokarnor

Mohamad Amirul bin Mohd Adnan (UiTM)

Pelajar Kolej Komuniti Paya Besar

Pelajar Kolej Komuniti Jasin











## UniMAP KUASAI HARI AKHIR WOODBALL

Wartawan : Wan Syafikah Wan Rosdi dan Sam Syadeed Samat

Foto : Hakiemenaam

Universiti Malaysia Perlis(UniMAP) menutup gelanggang woodball dengan membolot kedua-dua pingat emas pada hari terakhir. Wan Muhammad Amirul Adam Wan Mahmud dan Natasha Ezzati Mohd Razali masing- masing berjaya menyumbang emas buat UniMAP melalui acara individu lelaki dan individu wanita.

Amirul secara keseluruhannya mempamerkan aksi cemerlang dengan meraih dua pingat emas masing-masing bagi acara beregu campuran dan individu lelaki dan turut menyumbang dua pingat perak bagi acara beregu lelaki dan berpasukan. Manakala Natasha Ezzati pula meraih dua pingat emas bagi acara beregu campuran dan individu wanita, satu pingat perak bagi acara berpasukan dan satu pingat gangsa bagi acara beregu wanita.

Natasha dan Amirul yang sebelum ini pernah menyertai Sukan Malaysia(SUKMA) dan Kejohanan Woodball Universiti Asia(AUWC) berterima kasih kepada jurulatih mereka yang banyak berkorban bagi memastikan kejayaan menjadi milik mereka. Hadiah dan pingat disampaikan oleh En.Thomas Kok selaku Presiden Persekutuan Woodball Asia.



## DEBARAN AKHIR PENCAK SILAT KIAN TERASA

Wartawan : Nursyafiqah Abdul Samat

Foto : Sam Syadeed Samat



Acara pencak silat Sukan Institusi Pengajian Tinggi(SUKIPT) 2014 bakal melabuhkan tirai pada 15 Februari 2014 di Dewan Agung Tuanku Canselor, Universiti Teknologi MARA(UiTM) dengan mempertaruhkan 18 pingat emas bagi 9 kategori.

UiTM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI) dilihat bakal menguasai gelanggang akhir apabila masing-masing berjaya menempatkan enam orang pesilat mereka di peringkat akhir berbanding atlet dari IPT yang lain.

Antara IPT yang berjaya melangkah ke peringkat akhir adalah Universiti Utara Malaysia(UUM), Kolej Komuniti Negeri Sembilan dan Melaka(KK N9/Melaka), Universiti Teknologi Malaysia(UTM), Kolej Komuniti Sabah(KKSBH) dan lain-lain.



## UniKL UPHOLDS CHALLENGES

By : Aniqah & Ainie Hananie Taufik

Photo : Mohammad Rizal Abd Razak & Hafiz Kassim

Oh my English!

Universiti Kuala Lumpur(UniKL) became the only representative of Majlis Sukan IPTs Malaysia(MASISWA) after beating Universiti Tenaga Nasional(UNITEN) 14-7 in the quarter-final, setting up the semi-final with the Universiti Putra Malaysia (UPM) team.

"I am happy and grateful for the first time winning which has made it to the semi-finals and indirectly placing us in line with other Public Higher Learning Institutions(IPTA)," said head coach of UniKL team, Imran Mohd Salleh.



Pasukan ragbi dari Universiti Kuala Lumpur(UniKL)





# SUKIPT 2014 BERSIARAN LANGSUNG DI RADIO BERNAMA

Wartawan : Nor 'Adilah Abd Rahim  
Foto: Adam Ghazali



Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) edisi kali ini sekali lagi bersiaran secara langsung di Radio 24, Bernama.

SUKIPT 2014 yang bersiaran secara langsung selama kira-kira sejam diwakili oleh Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia, Encik Hazally Jali dan Setiausaha Media dan Promosi SUKIPT, Encik Nurekmal Buhary.

Segala keputusan terkini dan perkembangan SUKIPT sehingga hari kedua sebelum tirai arena sukan ini ditutup dirungkai satu persatu buat makluman para pendengar setia Radio 24 dan semestinya peminat SUKIPT melalui frekuensi FM 93.9 Megahertz.



SUKIPT yang telah mendapat liputan istimewa daripada stesen radio tersebut sepanjang empat minggu ini menampilkan peningkatan sokongan daripada masyarakat luar terhadap SUKIPT.

## KEMUDAHAN BERKELAS TINGGI


Wartawan: Ahmad Muzakkir Mohd Zuki  
Foto : Suzairi Hafizi

Walaupun sukan lawan pedang kali pertama dipertandingkan di acara SUKIPT kali ini, tetapi pihak penganjur berjaya menunjukkan kecemerlangan kerana berjaya menyediakan kemudahan yang berkelas tinggi untuk acara itu yang berlangsung di Politeknik Shah Alam.

"Bagi SUKIPT kali ini, kemudahan yang disediakan di tempat perlawanan sungguh baik sekali dan atlet kami pun berasa selesa," ujar jurulatih lawan pedang Universiti Putra Malaysia, Husnul Ariq Bakri.

"Kami juga berasa terkejut pada hari pertama kami sampai di Arena Lawan Pedang ini kerana dewan ini begitu besar dan juga banyak gelanggang disediakan dan ini sedikit sebanyak mengurangkan tekanan bagi atlet kami kerana keselesaan yang disediakan," ujarnya Husnul lagi.

Sukan lawan pedang pertama kali di pertandingkan di SUKIPT edisi ke-2 selepas tidak dipertandingkan pada temasya yang lalu dan sukan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari peminat sukan lawan pedang.



| UiTM                | 54 | 36 | 29 |
|---------------------|----|----|----|
| UPM                 | 40 | 30 | 32 |
| UniMAP              | 15 | 6  | 8  |
| UM                  | 13 | 8  | 16 |
| SUNWAY UNIVERSITY   | 9  | 7  | 4  |
| UTM                 | 8  | 3  | 11 |
| UniSZA              | 6  | 9  | 5  |
| TAYLOR'S UNIVERSITY | 6  | 4  | 8  |
| USM                 | 5  | 8  | 9  |
| UMS                 | 5  | 6  | 9  |

## PERSEMBAHAN PERKAMPUNGAN SUKAN SUKIPT 2014 (DATARAN MAWAR)

| Tarikh           | Masa               | Perkara          |
|------------------|--------------------|------------------|
| 15 Februari 2014 | 8:45 - 10:30 malam | Persembahan Band |

